



29 AUG, 2026

Jalan Sungai Pinang ditutup separa

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 1

Jalan Sungai Pinang ditutup separa

George Town: Sebahagian lorong di Jalan Sungai Pinang menghala ke Jalan Jelutong akan ditutup secara separa selama 10 hari bermula semalam bagi memberi laluan kepada kerja pengalihan utiliti oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang Lim Siew Khim ber-

kata penutupan selama 24 jam sehari itu bermula 9 pagi semalam hingga 11.59 malam pada 6 September.

“Penutupan itu melibatkan lorong paling kiri antara persimpangan Lebuhraya Bakau dan persimpangan lampu isyarat Jalan Sungai Pinang-Jalan Jelutong.

“Sebagai laluan alternatif, pengguna jalan raya bo-

leh menggunakan Lebuhraya Bakau untuk menuju ke Jalan Jelutong, manakala lorong lain akan kekal dibuka kepada trafik,” katanya.

Lim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri menasihatkan pengguna jalan raya supaya berhati-hati ketika melalui kawasan berkenaan.